

# Saya kesal – Mukhriz

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

**KUALA LUMPUR** 21 Nov. – Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Mukhriz Mahathir (**gambar**) hari ini melahirkan rasa kesal berikutan kenyataannya terhadap ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO ke-57 minggu lepas.

Katanya, beliau tidak berniat untuk menyinggung perasaan mana-mana pihak terutama Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden parti.

“Saya juga menerima baik teguran yang diberikan oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein terhadap saya tempoh hari,” katanya dalam satu kenyataan dua perenggan di sini, hari ini.

Pada Perhimpunan Agung UMNO 2006 baru-baru ini, Mukhriz dalam sebuah akhbar berbahasa Inggeris mendakwa tiada perkara baru dalam ucapan

dasar Presiden.

Mukhriz dipetik sebagai berkata: “Saya rasa ucapan (Presiden) itu telah disampaikan tahun lalu. Saya mengharapkan ada perkara baru. Mungkin dia (Abdullah) ada idea lain.”

Ekoran kenyataan itu banyak pihak khususnya pemimpin UMNO membidas tindakan Mukhriz mengkritik ucapan dasar Presiden kerana ia dianggap memperlekehkan kewibawaan Abdullah.

Hishammuddin sendiri menegaskan bahawa beliau akan mengkaji semula kedudukan Mukhriz dalam pergerakan itu jika anak bekas Perdana Menteri itu terus mengkritik kepimpinan kerajaan dan politik.

Bagi barisan exco pergerakan itu pula, mereka mahu Mukhriz membuat kenyataan maaf secara terbuka atas tindakannya mengkritik ucapan dasar Presiden terutamanya kepada Abdullah dan Hishammuddin.

Salah seorang exconya, Datuk Pirdaus Ismail berkata, ini kerana apa yang dilakukan oleh Mukhriz jelas membelakangi konsep syura yang selama ini menjadi asas kekuatan Pemuda serta

parti.

Mukhriz kini menyandang jawatan Pengerusi Biro Hubungan Antarabangsa Pemuda dan Pertubuhan Bukan Kerajaan Pemuda UMNO serta ahli jawatankuasa UMNO bahagian Kubang Pasu.

